

'Fahami kekangan kerajaan untuk salur peruntukan lebih'

PM minta semua pihak ambil tahu keterbatasan sumber laksana penyelesaian berkesan

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengakui setiap kementerian dan jabatan mengharapkan peruntukan yang lebih, namun mereka perlu memahami kekangan kewangan yang sedang dihadapi kerajaan.

Perdana Menteri berkata, bagi Kementerian Kesihatan (KKM), beliau sering memaklumkan kepada menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, meminta kakitangan kementerian memahami dasar ekonomi makro yang dilaksanakan kerajaan, dengan mengambil kira kepentingan semua aspek.

"Saya selalu katakan pada Dr Dzulkefly, beritahu pada kakitangan anda supaya bukan hanya tahu mengenai penyakit, tetapi juga memahami 'penyakit ekonomi', dasar ekonomi makro.

"Setiap kementerian, jabatan dan pusat penyelidikan tentunya mahukan lebih peruntukan tapi kita perlu lihat sekolah, infrastruktur luar bandar, klinik dan hospital.

"Cabaran ini mesti ditangani dengan adil dan saksama selepas memahami kekangan yang ada," katanya ketika berucap merasmikan majlis Clinical Research Malaysia (CRM) Trial Connect 2025, di sini semalam.

Selain Dr Dzulkefly, yang turut

hadir Timbalan Premier Sarawak, Datuk Seri Dr Sim Kui Hian dan Ketua Pegawai Eksekutif CRM, Dr Akhmal Yusof.

Perdana Menteri berkata, kerajaan boleh mengagihkan lebih banyak peruntukan, namun ia akan membabitkan peningkatan cukai yang akhirnya bukan sahaja membebankan rakyat, tapi juga golongan doktor.

Justeru, katanya, kefahaman mengenai dasar ekonomi makro dan kekangan yang dihadapi kerajaan itu perlu ada.

"Setiap wilayah, bandar dan kampung akan menuntut apa yang difikirkan adil kepada mereka, tapi tiada negara yang mampu untuk melakukannya (memenuhi semua tuntutan).

"Penyelidikan dan pembuatan dasar itu perlu diberikan kepercayaan penuh, apa yang boleh dan tidak boleh kita lakukan dalam sumber yang terhad untuk melaksanakan penyelesaian yang berkesan," katanya.

Teroka kerjasama baharu

Perdana Menteri juga berkata, institusi penyelidikan perubatan di negara ini, termasuk CRM perlu meneroka kerjasama lebih luas dengan negara ASEAN dan institusi tempatan bagi menghasilkan bukan sahaja penemuan baharu, malah mampu mengurangkan kos perubatan dan sesuai dengan iklim serantau.

Katanya, industri perubatan boleh mendatangkan beban jika hanya bergantung kepada syarikat pengeluar besar yang mengaut keuntungan terlalu tinggi, bukan sahaja terhadap kerajaan tetapi kepada pesakit.

"Cabaran kita adalah untuk memastikan kos perubatan yang tidak melambung. Justeru, CRM mempunyai tugas besar untuk memastikan bertugas dalam bidang penyelidikan klinikal dan



Anwar sambil diperhatikan Dr Dzulkefly (dua dari kiri) merasmikan majlis Clinical Research Malaysia Trial Connect 2025 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

ada sinergi dengan semua institusi penyelidikan.

"Dalam mesyuarat Majlis Sains Negara, saya memberikan arahan sangat jelas bahawa tiada satu institusi yang bekerja secara berasingan, bermakna keberkesanan CRM ini mesti dilakukan dengan kerjasama semua institusi penyelidikan dalam negara dan universiti tempatan.

"Setiap fakulti perubatan mesti dirangkul bersama supaya semua kegiatan itu dapat dijalankan secara bersama. Dengan cara ini, kita akan pastikan hasilnya itu jauh lebih berkesan.

"Kita dapat lihat hasilnya sekarang, tetapi kita mahu strategi bersama ASEAN supaya kerja-

sama itu lebih dekat dan mantap," katanya.

CRM ialah sebuah organisasi pengurusan penyelidikan dipercayai pada peringkat global yang ditubuhkan KKM pada 2012.

CRM menyediakan penyelesaian ujian klinikal bertaraf global dan memacu ekosistem penyelidikan klinikal, dalam usaha menangani keperluan pesakit dan mentransformasi hasil bidang kesihatan di Malaysia.

Perdana Menteri berkata, penyelidikan klinikal adalah tonggak utama dalam landskap penjagaan kesihatan dan sosioekonomi negara dan sejak 2012, ekosistem itu menyumbang lebih RM1.5 bilion kepada Pendapatan

Negara Kasar (PNK) Malaysia dan mewujudkan lebih 3,000 pekerjaan berkemahiran tinggi.

"Setiap ujian klinikal dijalankan di sini menghasilkan kesan berangkai dari hospital ke pusat pembangunan klinikal, hab pengurusan data, rangkaian logistik dan makmal berpusat," katanya.

Perdana Menteri juga mahu, tumpuan penyelidikan diberikan kepada masalah dihadapi majoriti rakyat negara, berbanding menumpukan kepada penyakit di Barat, seperti dilaksanakan pada 1970-an yang mana tumpuan ketika itu adalah bagi penyakit malaria, cacing kerawit dan batuk kering.